

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan : JKT.D.100-1/3/2Jld.3(15)

Tarikh : 08 Julai 2011

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 6 TAHUN 2011**

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN
LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL
(PINDAAN 2011)**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan **Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit (Pindaan 2011)**.

LATAR BELAKANG

2. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada **19 Mac 2010** bersetuju supaya agensi-agensi kerajaan mengkaji untuk menggunakan pendekatan ***assumption of approval*** bagi memberi kelulusan terhadap permohonan lesen dan permit. Dalam hal ini, Jemaah Menteri berpendapat **setiap permohonan hendaklah diluluskan serta merta kecuali permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan**. Bagi permohonan yang

yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagi permohonan yang ditolak, pemohon hendaklah dimaklumkan sebab-sebab ianya ditolak dan diberi tempoh tertentu untuk memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki.

PENAMBAHBAIKAN

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **3 Disember 2010** telah mengambil maklum akan langkah-langkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menambahbaik proses pengeluaran lesen premis perniagaan. Penambahbaikan tersebut seterusnya telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada **23 Mei 2011** seperti berikut:

- (i) **lesen premis perniagaan dikeluarkan serta merta;**
- (ii) **lesen premis perniagaan disatukan dengan lesen papan iklan premis perniagaan; dan**
- (iii) **proses permohonan lesen premis perniagaan dipermudahkan di mana pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen penting sahaja.**

4. Proses penambahbaikan permohonan lesen premis perniagaan akan mempercepatkan tempoh masa pengeluaran lesen premis perniagaan oleh PBT serta menggalakkan pendekatan ***assumption of approval*** dalam memberi kelulusan terhadap permohonan lesen dan permit.

PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

5. Bagi membolehkan ia dilaksanakan di peringkat PBT secara lebih seragam dan teratur, KPKT telah menyediakan Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011) seperti di **Lampiran**. Ia antara lainnya merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) carta alir proses kelulusan lesen perniagaan yang meliputi proses-proses utama yang terlibat serta tempoh masa yang ditetapkan;
- (ii) contoh borang permohonan lesen premis perniagaan yang seragam;
- (iii) jenis perniagaan yang boleh diberikan kelulusan di bawah penambahbaikan ini;
- (iv) aktiviti-aktiviti perniagaan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel;
- (v) contoh lesen komposit hotel;
- (vi) keperluan PBT untuk meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing bagi membolehkan tempoh sah laku lesen perniagaan dilanjutkan sehingga 3 tahun;

- (vii) keperluan PBT untuk menyediakan satu jadual kadar bayaran lesen komposit hotel berdasarkan UUK masing-masing; dan
- (viii) perbezaan antara amalan semasa dengan penambahbaikan dari segi proses-proses yang terlibat dalam permohonan lesen premis perniagaan dan lesen komposit hotel.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, **Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 2 Tahun 2008** bertarikh **30 Mei 2008** yang bertajuk **“Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel”** adalah dibatalkan.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 4, Blok K
Pusat Bandar Damansara
50782 KUALA LUMPUR
(U.p.: Bahagian Dasar dan Kemajuan Kerajaan Tempatan)
No. Telefon : 03-2095 3945 / 2099 3046 / 2099 3048
No. Fax : 03-2094 9440

PENUTUP

8. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”

Yang Ikhlas,



(DATUK AHMAD BIN HAJI KABIT)

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN
LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL
(PINDAAN 2011)**

GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL (PINDAAN 2011)

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **untuk meluluskan lesen premis perniagaan dan lesen komposit hotel.**

LATAR BELAKANG

2. Garis panduan ini merupakan penambahbaikan kepada **“Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel”** yang dikeluarkan melalui **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 2 Tahun 2008** bertarikh **30 Mei 2008.**

PENAMBAHBAIKAN

3. Sejar dengan keputusan kerajaan supaya agensi-agensi kerajaan mengkaji untuk menggunakan pendekatan ***assumption of approval*** bagi memberi kelulusan terhadap permohonan lesen dan permit, KPKT telah menambahbaik proses pengeluaran lesen premis perniagaan sedia ada. Penambahbaikan tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) **lesen premis perniagaan dikeluarkan serta merta;**
- (ii) **lesen premis perniagaan disatukan dengan lesen papan iklan premis perniagaan; dan**

(iii) proses permohonan lesen premis perniagaan dipermudahkan di mana pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen penting sahaja.

4. Carta alir proses permohonan lesen premis perniagaan yang baru dan keterangan bagi setiap proses yang terlibat adalah seperti di **Lampiran 1** manakala borang permohonan lesen premis perniagaan adalah seperti **Lampiran 2**. Carta alir dan borang permohonan tersebut akan digunakan oleh PBT semasa mempertimbangkan permohonan lesen premis perniagaan dan lesen komposit hotel.

5. Penambahbaikan tersebut hanya melibatkan proses permohonan lesen premis perniagaan bagi jenis perniagaan tidak berisiko sahaja seperti di **Lampiran 3**. Jenis perniagaan berisiko yang tidak terlibat dengan penambahbaikan ini adalah seperti di **Lampiran 4**.

6. Penambahbaikan ini tidak akan menjejaskan tindakan penguatkuasaan PBT serta tidak akan mengurangkan kutipan bayaran lesen PBT. Ini kerana peruntukan **seksyen 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** yang berkaitan dengan lesen seperti bayaran, syarat ataupun sekatan, pembatalan lesen dan denda masih lagi berkuat kuasa. Selain itu, PBT juga masih lagi menguatkuasakan Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian serta UUK Iklan bagi tujuan penguatkuasaan serta penetapan bayaran lesen.

TEMPOH SAH LAKU LESEN

7. Peniaga diberi pilihan sama ada untuk memohon lesen selama setahun ataupun terus sehingga 3 tahun seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 107(4), Akta 171. Selain daripada itu, **tarikh sah laku lesen**

adalah bermula dari tarikh permohonan tersebut dibuat seperti yang diamalkan bagi permohonan lesen memandu. Sebagai contoh, lesen yang dipohon pada 2 Jun 2007 akan tamat tempohnya pada 1 Jun 2008, iaitu bagi lesen yang dipohon untuk tempoh setahun ataupun 1 Jun 2010, iaitu bagi lesen yang dipohon untuk tempoh 3 tahun.

8. PBT perlulah meminda UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing bagi membolehkan tempoh sah laku lesen premis perniagaan dilanjutkan sehingga 3 tahun.

LESEN KOMPOSIT HOTEL

9. Lesen komposit hotel adalah dikeluarkan dengan mengkompositkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang ditentukan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel yang telah ditetapkan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti di **Lampiran 5**.

10. Cadangan lesen komposit hotel mengikut taraf bintang ini tidak melibatkan aktiviti penjualan minuman keras kerana ia dilesenkan oleh Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun bagi aktiviti hiburan, ia boleh dikompositkan. ekiranya terdapat perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) kepada PBT berkenaan.


11. Bagi memastikan bayaran yang dikenakan kepada lesen komposit mengikut taraf bintang ini tidak mengurangkan hasil pendapatan daripada pelesenan yang dikutip oleh PBT, **PBT akan menyediakan satu jadual kadar bayaran berdasarkan kadar bayaran yang telah ditetapkan di bawah UUK masing-masing.**

12. Penetapan kadar bayaran lesen mengikut taraf bintang akan sekaligus membantu pengusaha hotel mengenal pasti jumlah bayaran bagi memohon lesen komposit hotel. Contoh lesen komposit berdasarkan taraf bintang hotel serta melibatkan satu bayaran lesen sahaja adalah seperti di **Lampiran 6.**

PENUTUP

13. Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011) akan mempercepatkan tempoh masa pengeluaran lesen premis perniagaan oleh PBT serta menggalakkan pendekatan ***assumption of approval*** dalam memberi kelulusan terhadap permohonan lesen dan permit. Perbezaan di antara amalan semasa dan penambahbaikan **dari segi proses-proses yang terlibat dalam permohonan lesen premis perniagaan dan lesen komposit hotel** adalah seperti di **Lampiran 7.**

**Carta Alir Proses Permohonan
Lesen Perniagaan**



Keterangan Setiap Proses Yang Terlibat

Peringkat	Proses Yang Terlibat	Catatan
1.	PBT menerima borang permohonan.	Menggunakan borang seperti di Lampiran 2 . Borang boleh diperolehi melalui laman web ataupun di kaunter PBT.
2.	PBT menyemak borang permohonan.	Borang permohonan boleh dikemukakan di kaunter PBT ataupun secara <i>online</i> .
3.	Jika borang tidak lengkap, PBT memaklumkan kepada pemohon.	
4.	Jika borang lengkap, PBT mengeluarkan lesen serta merta.	Kelulusan lesen serta merta hanya diberikan kepada aktiviti perniagaan tidak berisiko seperti di Lampiran 3 . Lesen dikeluarkan beserta syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pemohon. Syarat-syarat lesen tersebut perlu ditetapkan oleh PBT berdasarkan jenis perniagaan.
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan	Mesyuarat adalah bagi memperakukan permohonan lesen yang telah diterima dan diadakan <u>dalam tempoh 14 hari selepas lesen dikeluarkan.</u>
6.	Jika Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan mendapati pemohon mematuhi syarat-syarat lesen, maka peniaga boleh meneruskan perniagaan.	Keputusan tidak perlu dimaklumkan kepada pemohon.

7.	Jika Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan mendapati pemohon tidak mematuhi syarat-syarat lesen, maka peniaga diberi <u>tempoh 14 hari untuk mematuhi semula syarat-syarat lesen.</u>	Keputusan hendaklah dimaklumkan dalam <u>tempoh 7 hari selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan.</u>
8.	Jabatan Teknikal mengadakan pemeriksaan semula ke atas premis perniagaan <u>selepas tamat tempoh 14 hari.</u>	
9.	Jika pemohon masih tidak mematuhi syarat-syarat lesen, tindakan penguatkuasaan boleh diambil.	Notis yang secukupnya perlu diberi kepada pemohon sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN

A. Butiran Pemohon	
(i) Warganegara Malaysia	
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Alamat:	
(ii) Bukan Warganegara Malaysia	
Nama:	
Warganegara:	
No. Passport:	
Alamat:	

B. Butiran Premis Perniagaan	C. Tempoh Sah Laku Lesen Yang Dipohon (tandaan √)	D. Dokumen Sokongan (tandaan √)
Alamat:	() 1 tahun	() Salinan Kad Pengenalan / Passport
No. Pendaftaran Perniagaan:	() 2 tahun	() Lakaran Papan Iklan
Tarikh CFO/CCC dikeluarkan:	() 3 tahun	
No. Rujukan CFO/CCC:		
No. Tel:		
No. Faks:		
Aktiviti Perniagaan:		
Saiz Ruang Lantai (Meter persegi)		
Saiz Papan Iklan (Meter persegi)		

E. Akuan Pemohon	
<p>Disahkan bahawa setiap maklumat dan dokumen sokongan yang disertakan adalah tepat dan benar. Saya akan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan. Sekiranya saya melanggar syarat-syarat lesen tersebut, PBT berhak mengambil tindakan penguatkuasaan yang ditetapkan oleh undang-undang.</p>	
Tandatangan:	
Tarikh :	

F. Kelulusan PBT	
Tarikh Lesen Diluluskan :	
Tempoh Sah Laku Lesen :	
Kadar Bayaran Lesen:	
Tandatangan Pegawai Pelesenan/Pegawai Yang Diberi Kuasa:	
Nama:	
Jawatan:	

G. Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Lesen
<p>Lesen yang telah diluluskan perlu mematuhi syarat-syarat lesen dan sebarang ketidakpatuhan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).</p>

Jenis Perniagaan Yang Tidak Berisiko

Bil	Jenis Perniagaan
1.	Aerobik
2.	Agensi Pekerjaan
3.	Agensi Pelancongan
4.	<i>Bowling</i>
5.	Gerai Berkunci (Gerai Makan)
6.	Gerai Dalam Restoran
7.	Gimnasium
8.	<i>Golf Driving Range</i> (Luar Bangunan)
9.	Kantin Sekolah
10.	Kedai Ais Krim
11.	Kedai Aksesori Kereta
12.	Kedai Aksesori Wanita
13.	Kedai Akuarium
14.	Kedai Alat-Alat / Kelengkapan Muzik
15.	Kedai Alat-Alat Sukan
16.	Kedai Andaman dan Pakaian Pengantin
17.	Kedai Barang Hiasan
18.	Kedai Barang Kemas dan Permata
19.	Kedai Barangan Elektrik
20.	Kedai Barangan Keperluan Bayi
21.	Kedai Barangan Plastik dan Pinggan Mangkuk
22.	Kedai Barang-Barang Runcit
23.	Kedai Batu Nisan dan Keranda
24.	Kedai Beg
25.	Kedai Binatang Peliharaan
26.	Kedai Bingkai Gambar
27.	Kedai Bot / Jet Ski
28.	Kedai Buah-Buahan / Sayuran
29.	Kedai Buku dan Alat Tulis
30.	Kedai Bunga-Bunga
31.	Kedai Butik / Pakaian Fesyen
32.	Kedai Cermin Mata (Optik)
33.	Kedai Daging
34.	Kedai Dobi
35.	Kedai Fotostat
36.	Kedai Gambar
37.	Kedai Gunting Rambut
38.	Kedai Jahit Pakaian
39.	Kedai Jam
40.	Kedai Jubin
41.	Kedai Kaset, Pita Video / Rekod (Penjualan/Penyewaan)
42.	Kedai Kasut
43.	Kedai Kelengkapan Bilik Mandi

Bil	Jenis Perniagaan
44.	Kedai Kereta / Motosikal
45.	Kedai Kerinting Rambut / Salun Pemandan Rambut
46.	Kedai Komputer
47.	Kedai Kopi / Kafe
48.	Kedai Kraftangan / Cenderamata
49.	Kedai Kuih Muih
50.	Kedai Kunci
51.	Kedai Mainan Kanak-kanak
52.	Kedai Makan / Restoran
53.	Kedai Membaiki Kasut
54.	Kedai Membaiki Paip (<i>Plumbing</i>)
55.	Kedai Perabot
56.	Kedai Peralatan Keagamaan
57.	Kedai Peralatan Kesihatan
58.	Kedai Peralatan Makmal / Saintifik
59.	Kedai Peralatan Rumah / Dapur
60.	Kedai Perhiasan Lampu
61.	Kedai Permaidani
62.	Kedai Produk Kesihatan / Makanan Kesihatan
63.	Kedai Roti / Kek
64.	Kedai Sekolah Jahitan
65.	Kedai Tayar dan Bateri / Caj Bateri
66.	Kedai Telefon / Aksesori
67.	Kedai Ubat / Farmasi
68.	Pengurusan Makanan (Katering)
69.	Perhotelan (Termasuk Aktiviti Perniagaan Di Dalamnya)
70.	Permainan Futsal
71.	Pusat Rakaman Video
72.	Pusat Studio Muzik / Rakaman
73.	Sekolah Persendirian, Insititut, Tadika, Taska dan Lain-Lain Institusi Pelajar
74.	Sekolah Tari Menari dan Model
75.	Stesen Minyak

*** Catatan – PBT boleh mencadangkan lain-lain aktiviti perniagaan sekiranya tidak berisiko**

Jenis Perniagaan Yang Berisiko

Bil.	Jenis Perniagaan
1.	Kerja-Kerja Kimpalan
2.	Kerja-Kerja Pecah Batu
3.	Kerja-Kerja Pertukangan
4.	Kerja-Kerja Sadur Elektrik
5.	Kilang Membuat Alat Tulis
6.	Kilang Membuat Asid, Alkali, Pelarut Damar, Pelekat, Baja dan Racun Serangga
7.	Kilang Membuat Badan Motorsikal / Kereta / Enjin Kereta
8.	Kilang Membuat Bahan Pengilap
9.	Kilang Membuat Barang Elektrik dan Elektronik
10.	Kilang Membuat Barangan Getah
11.	Kilang Membuat Barangan Kaca dan Gentian
12.	Kilang Membuat Barangan Logam
13.	Kilang Membuat Barangan Plastik
14.	Kilang Membuat Basikal
15.	Kilang Membuat Batu Jubin / Marmar dan Berkaitan
16.	Kilang Membuat Batu-Bata
17.	Kilang Membuat Botol
18.	Kilang Membuat Cat
19.	Kilang Membuat Dadah / Ubat dan Keluaran Farmasi
20.	Kilang Membuat Dakwat
21.	Kilang Membuat Emas, Perak, Tembaga dan Pewter
22.	Kilang Membuat Kabel dan Wayar
23.	Kilang Membuat Kapur dan Tembikar
24.	Kilang Membuat Kertas
25.	Kilang Membuat Lilin dan Gam
26.	Kilang Membuat Makanan dan Minuman
27.	Kilang Membuat Minyak
28.	Kilang Membuat Pakaian
29.	Kilang Membuat Perabot
30.	Kilang Membuat Sabun
31.	Kilang Membuat Serbuk dan Bahan Pencuci
32.	Kilang Membuat Tayar dan Tiub
33.	Kilang Membuat Ubat Gigi
34.	Kilang Membuat Ubat Nyamuk
35.	Kilang Membuat / Menjual / Menyimpan Simen Secara Borong
36.	Kilang Membuat / Menyimpan / Menjual Mercun dan Bahan Letupan
37.	Kilang Membuat / Menyimpan / Memborong Barang Kimia (Industri dan Pertanian)
38.	Lain-lain Aktiviti Kilang Yang Boleh Menghasilkan Sisa Buangan dan Bunyi Bising
39.	Mengumpul, Menyimpan dan Menjual Barang Tidak Berguna / Barang Lusuh
40.	Menjual dan Menyimpan Bahan Berbahaya Yang Mudah Terbakar
41.	Menyembur Cat dan Bahan Kimia

Bil.	Jenis Perniagaan
42.	Pemasangan Kereta / Motorsikal / Jentera dan Lain-Lain Kenderaan
43.	Pembersihan Logam-Logam Melalui Proses Asid
44.	Perjudian dan Nombor Ramalan
45.	Rumah Bersalin dan Sakit Swasta
46.	Stor Perusahaan Berbahaya, Petroleum, Minyak Pelincir dan Minyak

*** Catatan – PBT boleh mencadangkan lain-lain aktiviti perniagaan sekiranya berisiko**

**Aktiviti-Aktiviti Perniagaan
Berdasarkan Taraf Bintang Sesebuah Hotel**

Hotel

(i) 5 Bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Restoran / *coffee house*
- g. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- h. Tempat letak kereta
- i. Dobi
- j. *Health club* / gimnasium / sauna / kemudahan *outdoor* dan *indoor*
- k. Salon kecantikan
- l. Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
- m. Papan iklan premis perniagaan

(ii) 4 Bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Restoran / *coffee house*

- g. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- h. Tempat letak kereta
- i. Dobi
- j. *Health club / gimnasium / sauna / kemudahan outdoor dan indoor*
- k. Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
- l. Papan iklan premis perniagaan

(iii) 3 Bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Restoran / *coffee house*
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Tempat letak kereta
- g. Dobi
- h. Kedai menjual surat khabar, buku dan poskad
- i. Papan iklan premis perniagaan

(iv) 2 Bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Dobi
- e. Papan iklan premis perniagaan

(v) 1 Bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Papan iklan premis perniagaan

(vi) 1 Hingga 3 Orkid

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Tempat letak kereta
- c. Papan iklan premis perniagaan

Hotel Apartment

(vii) 5 bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- e. Restoran / *coffee house*
- f. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- g. Tempat letak kereta
- h. Dobi
- i. *Health club / gimnasium / sauna / kemudahan outdoor dan indoor*
- j. Papan iklan premis perniagaan

(viii) 4 bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- e. Restoran / *coffee house*
- f. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- g. Tempat letak kereta
- h. Dobi
- i. Papan iklan premis perniagaan

(ix) 3 bintang

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Dobi
- e. Papan iklan premis perniagaan

**CONTOH
LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : ASL Hotel Sdn. Bhd.
 Nama Hotel : The Heritage City Hotel
 Alamat Hotel : Bandar Hilir, Melaka
 Taraf Hotel : 5 Bintang
 Lesen Ini Sah Sehingga : 2 Jun 2008

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Dewan Pementasan Bagi Aktiviti Hiburan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Salon Kecantikan
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku, Poskad, Filem, Rokok, Ubat dan Cenderamata
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : YSM Sdn. Bhd.
 Nama Hotel : Hotel Princess
 Alamat Hotel : Subang Jaya, Selangor
 Taraf Hotel : 4 Bintang
 Lesen Ini Sah Sehingga : 19 Julai 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Dewan Pementasan Bagi Aktiviti Hiburan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku, Poskad, Filem, Rokok, Ubat dan Cenderamata
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
 Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Centerpoint Properties Sdn. Bhd.
 Nama Hotel : Hotel Centerpoint
 Alamat Hotel : Petaling Jaya, Selangor
 Taraf Hotel : 3 Bintang
 Lesen Ini Sah Sehingga : 8 Ogos 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku dan Poskad
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Mentari Sdn. Bhd.
Nama Hotel : Hotel Sinaran
Alamat Hotel : Muar, Johor
Taraf Hotel : 2 Bintang
Lesen Ini Sah Sehingga : 4 April 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen :	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Cempaka Sdn. Bhd.
Nama Hotel : Hotel Sri Cempaka
Alamat Hotel : Besut, Terengganu
Taraf Hotel : 1 Bintang
Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Mei 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen :	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Nilai Utama Sdn. Bhd.
 Nama Hotel : Hotel Sri Nilai
 Alamat Hotel : Nilai, Negeri Sembilan
 Taraf Hotel : Hotel Apartment 5 Bintang
 Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Mei 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Mawar Wangi Sdn. Bhd.
 Nama Hotel : Hotel Purnama
 Alamat Hotel : Sepang, Selangor
 Taraf Hotel : Hotel Apartment 4 Bintang
 Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Ogos 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Mawar Wangi Sdn. Bhd.
Nama Hotel : Hotel Purnama
Alamat Hotel : Sepang, Selangor
Taraf Hotel : Hotel Apartment 4 Bintang
Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Ogos 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Sejahtera Sdn. Bhd.
Nama Hotel : Hotel Kita
Alamat Hotel : Bentong, Pahang
Taraf Hotel : Hotel Apartment 3 Bintang
Lesen Ini Sah Sehingga : 1 Disember 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Tempat Letak Kereta
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**CONTOH
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Pelangi Sdn. Bhd.
Nama Hotel : Hotel Bayu
Alamat Hotel : Kuantan, Pahang
Taraf Hotel : Hotel Orkid
Lesen Ini Sah Sehingga : 22 Januari 2007

Aktiviti-Aktiviti :	Hotel / Rumah Tumpangan
	Tempat Letak Kereta
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
Bayaran Lesen	

.....
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh :

Cop:

**Perbezaan Antara Amalan Semasa Dengan Penambahbaikan Dari Segi
Proses-Proses Yang Terlibat Dalam Permohonan
Lesen Premis Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel**

Bil.	Amalan Semasa	Penambahbaikan
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga boleh terus memulakan perniagaan sebaik sahaja membuat permohonan lesen dan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT. Lesen premis perniagaan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari ataupun kurang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen premis perniagaan dikeluarkan serta-merta sebaik sahaja permohonan dikemukakan.
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen komposit bagi premis perniagaan dan papan iklan adalah kombinasi lesen antara pelbagai lesen yang dikeluarkan oleh PBT seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) lesen premis; (b) lesen iklan; dan (c) lain-lain lesen. • Setiap lesen mempunyai kadar bayaran yang berlainan dan berasingan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai lesen yang dikeluarkan oleh PBT digabungkan menjadi 1 lesen sahaja. • 1 bayaran lesen bagi semua lesen yang telah digabungkan.
3.	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga perlu mengemukakan pelbagai dokumen sokongan semasa mengemukakan borang permohonan lesen seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) salinan dokumen pendaftaran syarikat/perniagaan; (b) salinan pelan lokasi premis; (c) lakaran papan iklan; 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) salinan kad pengenalan/passport; dan (b) lakaran papan iklan.

Bil.	Amalan Semasa	Penambahbaikan
	<p>(d) perjanjian sewa bangunan; dan</p> <p>(e) salinan kad pengenalan/passport.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang permohonan mengandungi 4 muka surat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya 1 muka surat borang permohonan yang perlu diisi.
4.	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh sah laku lesen perniagaan adalah sehingga 3 tahun dan tarikh luput lesen adalah pada tarikh yang sama tahun berikutnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sama.
5.	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen komposit hotel dikeluarkan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sama.